

Kelantan perlukan Azam di Kejuaraan Silat 6 FEB 1990 Kebangsaan

Oleh MOHD RAHIME
YUSOF

B. Harian (M)
PEMENANG pingat perak Sukan
SEA XV lalu, Azam Haji Abbas,
membatalkan hasrat bersara kerana
diminta memikul tanggungjawab
memastikan Kelantan merampas
juara keseluruhan dari Selangor
di Kejuaraan Silat Kebangsaan
di Dewan Sivik Petaling Jaya bermula
pada Jumaat ini.

Jurulatih silat Kelantan, Mohd Noor Mahmud, berkata tenaga Azam
begitu diperlukan bagi menaikkan
semangat pesilat-pesilat pada
kejuaraan nanti.

"Saya meminta Azam menanggung
keputusan bersara setelah mendapat
permintaan rakan-rakan lain. Saya
harap Azam dapat mengekalkan
kejuaraan Kelas H buat kali ketiga
berturut-turut," katanya, semalam.

Mohd Noor percaya pesilatnya
dapat melakukan sesuatu bagi
merampas gelaran juara keseluruhan,
musim ini dari Selangor.

Pada kejuaraan kebangsaan
lalu, Kelantan sekadar memenangi
dua pingat emas dan tiga perak
bagi menduduki tempat kedua
di belakang Selangor yang
menggondol tujuh pingat emas.

"Saya berharap musim ini gilirannya
Kelantan untuk merebut Piala
Presiden sekalipun terpaksa bertarung
di gelanggang Selangor selaku
tuan rumah," katanya.

Beliau berkata, latihan pusat



■ WAN ADNAN WAN ISA

pesilat Kelantan bermula minggu
lalu dan pencapaian mereka begitu
memuaskan.

Katanya, latihan kali ini lebih
tersusun selepas Menteri Pertahanan,
Tengku Ahmad Rithauddeen, memberi
sumbangan \$8,000 bagi kemudahan
gelanggang dan peralatan latihan.

"Sumbangan itu cukup bermakna
bagi kami terutama menghadapi
kejuaraan kebangsaan. Sebelum ini,
kami tidak mempunyai kemudahan
seumpama itu," jelasnya.

Bagimanapun Mohd Noor berkata,
empat pesilat lagi tidak menyertai
latihan pusat kerana berlatih di
perguruan sendiri di bawah bimbingan
Rajab Samad.

Pesilat Kelantan: Basri Abdul
Rahman (A), Mohd Dawon Hamid (B),
Shamsuddin Mohd Noor (C), Kamaruzaman
Yaacob (D), Wan Adnan Isa (E), Sani
Yahya (F), Nik Mohamad Che Hassan (G),
Azam Abbas (H), Mohd Zain Yaacob (I),
Nor Afandi Mohamad (Bebas).

Wanita: Rohani Abdul Hamid (A),
Wan Amizah Wan Ahmad (B), Che
Hasnah Che Ahmad (C), Rosemawani
Ismail (D) dan Rohana Ismail Kelas E.

Hampir 300 peserta sertai -7 FEB 1990 Kejuaraan Silat

Oleh SHAHARUDIN
RAMLI & Harian (M)

HAMPIR 300 peserta daripada 12 pasukan negeri dan tiga pertubuhan silat akan menyertai Kejuaraan Silat Kebangsaan di Dewan Sivik Petaling Jaya, bermula Jumaat ini.

Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS), Datuk Haji Zainal Dahlan, berkata 207 daripada mereka menyertai silat olahraga, sementara 75 mengambil bahagian dalam silat seni. Menurutnya, Pulau Pinang dan Sarawak tidak menyertai kejuaraan lima hari anjuran bersama MSNS, Majlis Seni Silat Negeri Selangor (MSSNS) dan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).

Rasmi

"Setiap pasukan menghantar sepuluh pesilat lelaki dan lima wanita untuk silat olahraga," kata beliau pada sidang akhbar, semalam.

Beliau berkata, Selangor yang menjuarai kejuaraan lalu di Port Dickson, akan berusaha mempertahankan Piala Pesaka (juara keseluruhan) dan Piala Panglima (juara olahraga). Juara silat seni kejuaraan lalu ialah Melaka.

Raja Muda Selangor berkenan berangkat merasmikan kejuaraan itu, sementara Menteri Besar, Tan Sri Muhamad Muhd Taib.